

TT: Kadar Tukaran Istimewa bagi Sebarang Amaun

Dikemaskinikan pada 19 April 2017

TEMPOH PROMOSI

“TT: Kadar Tukaran Istimewa bagi Sebarang Amaun” (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank (“HLB”) bermula pada 25 April 2017 sehingga 30 Jun 2017, termasuk kedua-dua tarikh ini (“Tempoh Promosi”), melainkan dinyatakan sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT (“T&Cs”)

Berikut ialah terma dan syarat yang berkaitan dengan Promosi ini:-

1. Definisi

- 1.1 “Promosi” ialah TT: Kadar Tukaran Istimewa bagi Sebarang Amaun;
- 1.2 “HLB” ialah Hong Leong Bank Berhad;
- 1.3 “TT” ialah dana yang telah didenominasi dalam mata wang asing dan dikirim ke bank/agen di luar Malaysia;
- 1.4 “eDMs” ialah e-mel terus/langsung; dan
- 1.5 “SMS” ialah khidmat pesanan ringkas.

2. Kelayakan dan Penyertaan

- 2.1 Promosi ini adalah terbuka kepada semua pelanggan individu dan bukan individu HLB (“Pelanggan HLB”), melainkan dinyatakan sebaliknya.
- 2.2 Bagi mengelakkan sebarang kemusykilan:
 - i. pelanggan bukan individu merujuk kepada persatuan, pemilikan tunggal, perkongsian dan syarikat sendirian berhad seperti perusahaan kecil dan sederhana mikro yang tidak berasaskan pembuatan yang mempunyai pusing ganti jualan tahunan berjumlah Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5 juta) dan ke bawah;
 - ii. HLB boleh mengecualikan mana-mana pihak lain atas dasar keputusannya sendiri tanpa perlu dinyatakan sebarang sebab; dan
 - iii. Staf HLB dan Hong Leong Islamic Bank (“HLISB”) adalah dikecualikan daripada Promosi ini.
- 2.3 Pengiriman wang melalui TT mestilah dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan ditukarkan mengikut kadar tukaran mata wang asing semasa HLB.
- 2.4 Penyertaan dalam Promosi ini adalah tertakluk kepada T&Cs yang telah dinyatakan di sini serta Terma dan Syarat umum yang tercatat pada Borang Kiriman Wang HLB.

3. Kriteria Kelayakan Bagi Promosi

- 3.1 Pelanggan HLB boleh mendapatkan tawaran eksklusif kadar tukaran istimewa yang ditetapkan oleh HLB apabila Pelanggan HLB melakukan transaksi TT (“Tawaran”). Bagi mengelakkan sebarang kemusykilan, Tawaran ini boleh dinikmati tanpa had semasa Tempoh Promosi.
- 3.2 Tawaran ini akan dipromosikan melalui:

- i. eDM dan SMS ke alamat e-mel atau nombor telefon bimbit Pelanggan HLB yang telah didaftarkan dengan HLB;
- ii. pos media sosial (Facebook); dan
- iii. pengiklanan digital.

Bagi mengelakkan sebarang kemusykilan, adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan HLB untuk memastikan bahawa mereka telah mendaftarkan alamat e-mel dan/atau nombor telefon yang sah dan terbaru dengan HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab jikalau eDM dan/atau SMS tidak diterima oleh Pelanggan HLB.

3.3 Tawaran ini hanya sah semasa Tempoh Promosi.

3.4 Kriteria kelayakan bagi Tawaran ini:-

- i. Pelanggan HLB perlu melakukan transaksi TT di cawangan HLB;
- ii. Pelanggan HLB dikehendaki untuk menunjukkan eDM, SMS, pos media sosial (Facebook) atau pengiklanan digital kepada staf HLB; dan
- iii. dana pengiriman tersebut perlulah didebit dari mana-mana akaun Pelanggan HLB.

3.4 Pelanggan HLB yang melakukan transaksi tunai di cawangan HLB tanpa didebit dari mana-mana akaun HLB adalah tidak layak untuk menyertai Promosi ini.

4. Terma dan Syarat Umum Promosi

4.1 Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan HLB:

- (i) telah membaca, memahami dan bersetuju dengan T&Cs yang terkandung di sini dan Terma dan Syarat yang tercatat pada Borang Kiriman Wang HLB;
- (ii) bersetuju bahawa sebarang keputusan HLB berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan; dan
- (iii) bersetuju sebarang cukai, kadar, caj kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Promosi ini adalah di bawah tanggungjawab Pelanggan.

4.2 Tawaran yang dinyatakan pada eDM, SMS, pos media sosial (Facebook) atau pengiklanan digital tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit, cek dan/atau barangan.

4.3 HLB berhak untuk:

- (i) pada bila-bila masa dengan notis dua puluh satu (21) hari kalendar untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&Cs yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagian mengikut budi bicara mutlakanya dengan cara menghantar e-mel atau SMS, atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB;
- (ii) menggantikan Tawaran dengan hadiah alternatif yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicara mutlakanya, dengan cara menghantar e-mel, SMS atau dalam apa-apa cara lain yang difikirkan praktikal oleh HLB, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan HLB;
- (iii) untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan HLB daripada menyertai Promosi ini dengan apa-apa jua sebab yang difikirkan munasabah oleh HLB; dan
- (iv) membatalkan Tawaran ini sekiranya terdapat ketidakpatuhan pada T&Cs yang dinyatakan di sini serta Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kiriman Wang HLB.

4.4 Jikalau terdapat percanggahan pada terma dan syarat di mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat terbaru yang dilampirkan di laman sesawang HLB di www.hlb.com.my ("Laman Sesawang HLB") akan diguna pakai.

- 4.5 T&Cs Promosi ini dan Terma dan Syarat yang tercatat di Borang Kiriman Wang HLB perlulah dibaca secara menyeluruh. Jikalau terdapat sebarang percanggahan, T&Cs ini akan diguna pakai.
- 4.6 T&Cs ini ditadbir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan HLB bersetuju akan bidang kuasa Mahkamah Malaysia dalam mengendalikan sebarang permasalahan yang berkaitan dengan Promosi ini.